

PERALATAN MENTERJEMAH DALAM PENTERJEMAHAN ARAB-MELAYU

*Oleh: Dr. Mohd Hilmi bin Abdullah**

Abstrak

Aktiviti penterjemahan tidak mungkin akan berlaku tanpa adanya peralatan yang boleh membantu penterjemah dalam melakukan kerja-kerja penterjemahannya. Dalam hal ini, peralatan menterjemah telah mengalami revolusi selari dengan perkembangan teknologi terkini. Jika dahulu penterjemah bergantung kepada kertas dan mesin taip, peralatan tersebut sekarang ini telah diambil alih sepenuhnya oleh komputer. Begitu juga, peralatan rujukan sekarang ini semakin pelbagai dan tidak lagi terhad kepada kamus dan buku semata-mata, malah turut meliputi cakera padat dan internet. Semuanya ini telah mempengaruhi dunia penterjemahan pada hari ini, termasuk penterjemahan Arab – Melayu.

1.0 Muqaddimah

Peralatan penterjemahan bermaksud bahan-bahan yang berfungsi membantu penterjemah semasa proses penterjemahan dilakukan. Tanpa peralatan penterjemahan, aktiviti penterjemahan tidak mungkin boleh dilakukan. Peralatan penterjemahan terbahagi kepada dua kategori, iaitu:

- 1) Peralatan mesin
- 2) Peralatan rujukan.

1.1 Peralatan Mesin

Peralatan mesin dalam konteks penterjemahan hari ini ialah komputer dan peralatan-peralatan yang berkaitan dengannya seperti mesin cetak (printer), mesin pengimbas (scanner) dan sebagainya. Bagi mereka yang baru berjinak-jinak dengan dunia penterjemahan, atau baru belajar menterjemah, adalah menjadi kebiasaan jika mereka menterjemah di atas kertas terlebih dahulu sebelum menaipnya kembali dalam komputer.

* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Bahasa Arab KIAS, Nilam Puri.

Justeru itu, setiap penterjemah seharusnya boleh menggunakan komputer sekurang-kurangnya pada tahap untuk membolehkan mereka menaip teks terjemahan serta membuat beberapa perkara yang kadang kala berkaitan dengan terjemahan seperti jadual, carta, dan sebagainya. Sehubungan itu, seseorang penterjemah seharusnya boleh menggunakan program Microsoft Word, Microsoft Exel, dan Microsoft Power Point, serta tahu cara-cara menggunakan mesin pengimbas.

Bagi tujuan menjimatkan masa, penterjemah dinasihatkan agar mempelajari kaedah menaip secara pantas, sama ada menaip Rumi mahu pun Arab. Selain itu, penterjemah juga disarankan agar mempelajari cara-cara menggunakan papan kekunci (keyboard) bagi tujuan mengurangkan penggantungan kepada tetikus. Hal ini kerana dalam banyak keadaan, menggunakan papan kekunci adalah lebih cepat berbanding menggunakan tetikus.

Selain itu, penterjemah juga hendaklah memastikan komputer yang digunakan mampu bertahan dalam tempoh masa yang semaksimum mungkin. Sehubungan itu, komputer yang digunakan untuk kerja-kerja terjemahan seharusnya tidak digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain seperti melayari internet, bermain permainan video, sembang siber, dan sebagainya, di samping sentiasa melakukan imbasan terhadap virus komputer.

Bagi tujuan mengurangkan kesan sampingan daripada penggunaan komputer, khususnya kesan radioaktif, penterjemah dinasihatkan menggunakan skrin komputer yang mampu menapis radioaktif semaksimum yang mungkin. Kedudukan skrin tersebut pula hendaklah pada jarak yang selamat, yakni tidak terlalu dekat atau terlalu jauh dengan mata. Malah adalah lebih baik jika skrin komputer tidak berada pada kedudukan yang selari dengan mata penterjemah.

1.2 Peralatan Rujukan

Yang dimaksudkan dengan peralatan rujukan ialah peralatan bantuan yang diperlukan semasa melakukan kerja-kerja penterjemahan seperti kamus, buku rujukan, majalah, akhbar, cakera padat, internet, dan segala perkara yang memungkinkan penterjemah mendapat faedah rujukan dalam kerja-kerja penterjemahannya. Dalam konteks

penterjemahan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, seseorang penterjemah itu seharusnya memiliki empat jenis kamus seperti berikut:

- 1) Kamus dwi bahasa
- 2) Kamus tri bahasa
- 3) Kamus eka bahasa
- 4) Kamus istilah

Kamus dwi bahasa pula terbahagi kepada enam jenis seperti berikut :-

- 1) Kamus Arab – Melayu: Contohnya, *Qamus al-Marbawiy* dan *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*.
- 2) Kamus Melayu – Arab: Contohnya, *Kamus Melayu – Arab* karangan Idris al-Marbawiy.
- 3) Kamus Arab – English: Contohnya, kamus *Al-Mawrid*.
- 4) Kamus English – Arab: Contohnya, kamus *Al-Mawrid* dan *Qamus Atlas al-Mawsu'iy*.
- 5) Kamus Inggeris – Melayu: Contohnya, *Kamus Inggeris Melayu Dewan* dan *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*.
- 6) Kamus Melayu – Inggeris: Contohnya *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*.

Dalam keghairahan masyarakat, khususnya ibu bapa yang mahu melihat anak-anaknya menguasai dua bahasa asing, seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris, banyak pihak sekarang ini mengambil kesempatan menerbitkan kamus tri bahasa yang melibatkan bahasa Arab, Inggeris, dan Melayu. Namun, sehingga sekarang ini hanya terdapat sebuah sahaja kamus tri bahasa yang sesuai digunapakai oleh penterjemah Arab – Melayu, iaitu kamus *Al-Miftah : Kamus Moden Arab – Melayu – Inggeris*.

Kamus eka bahasa pula terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- 1) Kamus Arab – Arab: Contohnya, *Al-Mu`jam al-Wasit*, *Lisan al-`Arab*, *al-Mu`jam al-`Arabiyy al-Asasiy*, dan *al-Munjid Fi al-Lughah wa al-A`lam*.
- 2) Kamus Melayu – Melayu: Contohnya, *Kamus Dewan*.
- 3) Kamus English – English: Contohnya, *Cambridge International Dictionary of English*.

Dalam hal ini, seseorang penterjemah itu seharusnya mengetahui kelebihan dan kelemahan sesebuah kamus. Hal ini bertujuan agar ia

mengetahui kamus manakah yang perlu dirujuk olehnya apabila ia menghadapi sesuatu masalah. Selain itu, ia juga perlu mempunyai kamus istilah dan buku-buku rujukan yang cukup dalam bidang yang ingin diterjemahkan, khususnya sekiranya ia mahu menterjemah buku atau teks ilmiah atau cabang-cabang ilmu yang berbentuk teknikal.

Di sini disertakan penerangan ringkas tentang beberapa kamus yang mesti dimiliki oleh mereka yang berhasrat menjadi penterjemah profesional. Kamus-kamus tersebut ialah:

1.2.1 Al-Mu'jam al-Wasit

Merujuk kepada namanya sahaja kita sudah mengetahui bahawa kamus ini bersifat pertengahan. Dan jika diamati dengan teliti, kita akan dapati kamus ini sebenarnya adalah ringkasan kepada kamus Lisan al-Arab yang dianggap sebagai kamus mega dalam bahasa Arab.

Oleh kerana kamus ini adalah kamus eka bahasa Arab – Arab, faedahnya kepada penterjemah pastinya dari sudut pengetahuan tentang makna asal bagi sesuatu perkataan dan hal-hal yang berhubung kait dengan nahu dan morfologi (sarf) bahasa Arab. Dalam hal ini, pengetahuan tentang makna asal bagi sesuatu perkataan biasanya turut terdapat dalam kamus dwi bahasa Arab – Melayu.

Bagaimanapun, pembuktian tentang makna tersebut kebiasaannya hanya terdapat dalam kamus eka bahasa, khususnya yang bertaraf mega dan pertengahan, termasuk al-Mu'jam al-Wasit. Pembuktian tersebut sama ada melalui ayat al-Quran, hadith, dan / atau bait syair. Contohnya, perkataan *انْكَدَرَتْ* yang membawa maksud *تَنَازَرَتْ* telah dibuktikan melalui ayat al-Quran (al-Takwir: 2):

وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ

“Dan apabila bintang-bintang jatuh bertaburan”.

Selain itu, kamus eka bahasa seperti al-Mu'jam al-Wasit juga boleh digunakan untuk mengetahui bentuk kata sifat bagi sesuatu kata kerja, iaitu sama ada dalam bentuk *اسْمُ الْفَاعِلِ* atau pun *صِفَةٌ مُشَبَّهَةٌ*, dan juga jamak taksir (*جَمْعُ التَّكْسِيرِ*) bagi perkataan tersebut.

Contohnya, bagi kata kerja كَتَبَ , kita dapati kenyataan berikut terdapat dalam kamus tersebut, iaitu :- كَتَبَ الْكِتَابَ - كُتِبَ وَكِتَابَةٌ : خَطَّهُ فَهُوَ . Oleh itu, kata sifat bagi kata kerja كَتَبَ adalah dalam bentuk اسمُ الْفَاعِلِ , iaitu كَاتِبٌ , yang mempunyai dua jamak taksir, iaitu كُتَّابٌ dan كَتَبَةٌ .

Bagi kata kerja كَرَّمَ pula, kita dapati kata sifatnya adalah dalam bentuk صِفَةٌ مُشَبَّهَةٌ atas wazan فَعِيلٌ , iaitu كَرِيمٌ bagi lelaki (yang mempunyai dua jamak taksir, iaitu كِرَامٌ dan كُرَمَاءٌ) dan كَرِيمَةٌ bagi perempuan (yang mempunyai satu جَمْعُ التَّكْسِيرِ , iaitu كَرَائِمٌ).

Manakala, bagi kata kerja كَتَفَ , kata sifatnya juga dalam bentuk صِفَةٌ مُشَبَّهَةٌ , tetapi atas wazan أَفْعَلُ فَعْلَاءٌ , iaitu أَكْتَفَ bagi lelaki, dan كُتِفَاءٌ bagi perempuan. Kedua-duanya mempunyai jamak taksir yang sama, iaitu كُتِفٌ .

Oleh kerana kamus ini disusun pada sekitar tahun 50-an dan tidak banyak penambahbaikan dibuat selepas itu, kamus ini pastinya tidak mengandungi istilah-istilah moden yang baru muncul dalam bahasa Arab selepas daripada itu. Lagi pun, bukan menjadi dasar atau matlamat utama bagi kebanyakan kamus eka bahasa Arab - Arab untuk memberi maklumat tentang istilah-istilah moden atau teknikal yang terdapat dalam bahasa tersebut, kecuali jika istilah tersebut telah digunakan secara meluas dalam masyarakat.

1.2.2 Kamus Besar Arab - Melayu Dewan

Dalam era tulisan Jawi yang semakin dilupakan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengambil langkah berani menggunakan tulisan Jawi dalam pembikinan Kamus Besar Arab - Melayu Dewan. Kamus ini pada hakikatnya adalah terjemahan kepada kamus al-Mu'jam al-Wasit. Oleh itu, kelebihan yang terdapat pada kamus al-Mu'jam al-Wasit turut diperolehi oleh pengguna kamus dwi bahasa ini.

Pada masa yang sama, kamus ini turut membuat penambahan terhadap beberapa entri kata yang tidak terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasit. Antara penambahan yang dapat dikesan ialah penambahan perkataan الْعَوْلَمَة yang bermaksud “globalisasi” dan perkataan سَفِينَة الْفَضَاء yang bermaksud “kapal angkasa”.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa terjemahan yang kurang tepat seperti berikut:

Jadual 1

Bil.	Perkataan	Kesilapan	Pembetulan
1.	الْكُمُون	Jintan manis	Jintan putih
2.	الْأَيْسُون	Nama sejenis tumbuhan	Jintan manis
3.	الشَّعِير	Gandum	Barli
4.	سِلْسَ الْبُول	Kencing lawas	Kencing dedas
5.	الْحُقْنَة	Mencucuk perut	Kesakitan di bahagian perut
6.	الْحُقْنَة	Ubat suntikan	Enema ¹
7.	السَّقَرُجَل	Buah jambu	Kuins
8.	الْقَرْنُفَل	Bunga cengkih	Bunga teluki
9.	حَبَّة الْبَرْكَة	Sejenis rumput	Jintan hitam, habbatus sawdak
10.	حُمَّى الرَّبْع	Demam yang tidak kebah-kebah	Demam kuartan ²
11.	الشَّيَاف	Ubat untuk merawat mata	Syiaf ³
12.	الطَّاعُون	Penyakit taun ⁴	Plag ⁵

Sebab utama kepada kelemahan kamus ini ialah kegagalan menjadikan kamus dwi bahasa Arab – Inggeris dan Inggeris – Arab sebagai rujukan semasa penyusunannya, termasuk kamus al-Mawrid dan Qamus Atlas al-Mawsu‘iy. Kegagalan ini menyebabkan kelemahan yang terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasit tidak diperbaiki oleh kamus ini. Antaranya adalah seperti berikut :-

1) Nama-nama tumbuhan yang terdapat dalam kamus eka bahasa seperti al-Mu'jam al-Wasit sepatutnya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Jika nama tumbuhan tersebut tidak terdapat dalam bahasa Melayu, padanannya dalam bahasa Inggeris bagi tumbuhan tersebut seelok-eloknya disertakan, di sebalik penerangan ringkas berkaitan tumbuhan tersebut. Dalam hal ini, tidak ada salahnya jika nama tumbuhan tersebut ditulis dalam ejaan Rumi.

Contohnya, perkataan الأَنْثُسُون di atas mempunyai padanannya dalam bahasa Melayu, iaitu "jintan manis". Begitu juga dengan perkataan الخطَمِيّ yang bermaksud "bunga raya", الرِّيحَان (selasih), الصَّبْر (lidah buaya), dan بَخُور مَرِّيم (cyclamen). Kesemua perkataan tersebut tidak diberi padanannya dalam bahasa Melayu, mahu pun bahasa Inggeris.

2) Apa yang berlaku ke atas nama tumbuhan di atas, berlaku juga ke atas beberapa istilah yang hanya diberi penerangan ringkas tanpa disebut padanannya (terjemahan) dalam bahasa Melayu. Antaranya seperti berikut :-

Jadual 2

Bil.	Perkataan	Penerangan	Terjemahan
1.	النَّوَاة	Unit atom yang dikelilingi oleh elektron	Nukleus
2.	الدَّرَز	Tempat jahitan	Sutur
3.	القَطَن	Bahagian bawah tulang belakang manusia	Tulang lumbar
4.	المُحَافِظ	Orang yang berpegang kepada adat istiadat masyarakat, budaya politik, dan agama	Konservatif
5.	الهُودَج	Tempat berbumbung yang diletakkan di atas belakang unta untuk membawa kaum wanita	Howdah, sekedup
6.	النَّقْرَس	Penyakit sendi	Gout
7.	داء الأَسَد	Sejenis penyakit kusta	Leontiasis

3) Kamus ini gagal membuat penambahan terhadap entri kata yang mempunyai perkembangan dalam makna dan istilah-istilah baru berdasarkan perkembangan semasa yang berlaku dalam bahasa Arab. Oleh itu, kamus ini banyak mengabaikan istilah-istilah moden, termasuk yang biasa ditemui dalam media massa.

Contohnya, semasa menerangkan entri kata الصَّدَد , kamus ini hanya memberi tiga makna, iaitu 1) sudut, arah ; 2) matlamat, tujuan ; 3) berhadapan, sedangkan terdapat beberapa lagi makna bagi perkataan tersebut. Di bawah ini disenaraikan sebahagian kecil daripada istilah yang tidak terdapat dalam Kamus Besar Arab – Melayu Dewan :-

Jadual 3

Bil.	Perkataan	Makna
1.	فِي هَذَا الصَّدَدِ	Dalam hal ini, sehubungan itu
2.	فِي هَذَا الصَّعِيدِ	Pada peringkat ini, pada tahap ini
3.	وَعَلَى الرَّغْمِ مِنْ	Walaupun, walau bagaimanapun
4.	الاسْتِنْسَاخَ	Pengklonan
5.	وَكَيْلُ الْأَنْبَاءِ	Agensi berita
6.	شَرِكَةُ قَابِضَةٍ	Syarikat pemegangan
7.	الْأُصُولِيَّ	Fundamentalis
8.	الْمُتَمَرِّدَ	Pemberontak
9.	فَوْقَ الْبَتْفَسَجِيِّ	Ultraungu, ultraviolet
10.	تَحْتَ الْأَحْمَرِ	Inframerah

1.2.3 Al-Munjid Fi al-Lughah wa al-A‘lam

Kelebihan utama yang terdapat pada kamus ini ialah kewujudan senarai nama tempat, tokoh, institusi, monumen, artifak sejarah, dan sebagainya dalam jumlah yang banyak, termasuk nama-nama yang jarang dan sukar dijumpai dalam kamus-kamus yang lain. Lebih menarik lagi apabila nama-nama tersebut turut mempunyai ejaan dalam tulisan Rumi, khususnya bagi nama-nama yang bukan berasal daripada bahasa Arab. Perkara ini amat penting sekali bagi seseorang penterjemah kerana bahasa

Melayu sekarang ini lebih banyak menggunakan ejaan Rumi berbanding Jawi.

Contohnya, jika seseorang penterjemah menterjemah buku sejarah Islam berkaitan pembukaan wilayah Islam dan penyebaran ajaran Islam di Sepanyol, ia pasti akan menemui nama-nama tempat seperti طليطلة , أشبيلية , قرطبة , dan غرناطة . Oleh itu, penterjemah tersebut pastinya ingin mengetahui nama-nama tersebut mengikut ejaan Rumi, dan perkara ini boleh didapati dalam kamus al-Munjid, iaitu Sevilla bagi أشبيلية , Toledo (طليطلة), Cordoba (قرطبة), dan Granada (غرناطة).

Manakala, jika ia menterjemah buku atau artikel yang berkaitan dengan sejarah ketamadunan Yunani pula, penterjemah kebiasaannya akan menemui nama-nama tokoh seperti أبقراط , أفلاطون , جالينس , dan أرسطو . Namun, ejaan Rumi yang dinyatakan dalam kamus al-Munjid bagi tokoh-tokoh tersebut agak berbeza sedikit berbanding ejaan yang biasa ditemui. Hal ini boleh dilihat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4

Bil.	Perkataan	Ejaan dalam al-Munjid	Ejaan biasa
1.	أبقراط	Hippokrates	Hippocrates
2.	أفلاطون	Platon	Plato
3.	جالينس	Galenos	Galen
4.	أرسطو	Aristoteles	Aristotel

1.2.4 Al-Mawrid Arab - English

Kamus ini memecah tradisi apabila menjadi kamus yang pertama meletakkan sesuatu perkataan dalam sesuatu bab berdasarkan huruf pertama pada perkataan tersebut, tanpa mengambil kira sama ada perkataan tersebut datang dalam bentuknya yang asal, atau pun perkataan tersebut adalah pecahan daripada perkataan yang asal.

Oleh itu, kata kerja اسْتَعْفَرَ contohnya diletakkan dalam bab “أ”, dan bukannya dalam bab “غ” sebagaimana dalam kebanyakan kamus yang lain. Walaupun kaedah ini nampaknya memudahkan para pelajar mencari makna bagi sesuatu perkataan tanpa perlu mengetahui kata asalnya, kaedah ini sebenarnya tidak membantu para pelajar dalam memantapkan pengetahuan mereka dalam bahasa Arab.

Bagi perkataan اسْتَقَالَ yang bermaksud “peletakan jawatan” contohnya, perkataan tersebut berasal daripada kata dasar “فيل”. Jika perkataan tersebut diletakkan dalam bab “ق” di bawah kata kerja قَالَ يَقِيلُ (sebagaimana dalam Kamus Besar Arab – Melayu Dewan), maka para pelajar akan mengetahui bahawa huruf “ا” pada perkataan tersebut sebenarnya berasal daripada huruf “ي”.

Di samping itu, para pelajar juga akan mengetahui istilah-istilah lain yang berasal daripada kata dasar yang sama seperti perkataan إِقَالَ yang bermaksud “pemecatan”, الْقِيلُوتَةُ (tidur atau berehat pada waktu tengahari), dan اقْتِيَال (minum pada waktu tengahari). Maklumat seperti ini tidak mungkin diperolehi oleh para pelajar jika perkataan اسْتَقَالَ diletakkan dalam bab “أ” sebagaimana dalam kamus al-Mawrid Arab – English ini.

Kelebihan utama kamus al-Mawrid Arab – English ini ialah kewujudan banyak istilah moden yang mencakupi pelbagai bidang, termasuk sains, perubatan, perundangan, pentadbiran, politik, tumbuhan, haiwan, sukan, farmasi, kejuruteraan, agama, ekonomi, perdagangan, sastera, dan sebagainya. Terjemahan yang dilakukan dalam bahasa Inggeris juga secara umumnya adalah tepat, serta meliputi pelbagai variasi ayat dan penggunaan kata dalam pelbagai konteks ayat. Oleh itu, kamus ini dianggap kamus dwi bahasa Arab – English yang terbaik pernah disusun setakat ini.

Namun begitu, kelemahan yang terdapat pada kamus ini ialah kekurangan maklumat berkaitan jamak taksir, iaitu hanya sedikit sahaja perkataan yang mempunyai jamak taksir dinyatakan jamak taksir baginya,

manakala sebahagian besar yang lain tidak dinyatakan. Antara perkataan yang tidak dinyatakan jamak taksir adalah seperti berikut :-

Jadual 5

Bil.	Perkataan	Jamak taksir	Makna
1.	بائع	باعة	Penjual
2.	ناد	أندية ، نواد	Kelab
3.	حذاء	أحذية	Kasut
4.	أرملة	أرامل ، أرملة	Balu, Janda
5.	وريد	أوردة ، ورد	Vena
6.	شريان	شرايين	Arteri
7.	كاتب	كتّاب ، كتبة	Penulis

Oleh kerana kamus ini tidak menggunakan sistem perkataan asal bagi menentukan bab, maka pengguna kamus ini akan berhadapan dengan masalah apabila ingin mencari makna bagi sesuatu perkataan yang berbentuk jamak taksir. Contohnya ketika ia ingin menterjemah ayat : الآن في الباعة (yang bermaksud: "Sekarang ada di pasaran"), penterjemah tersebut pastinya akan mencuba mencari makna perkataan الباعة mengikut turutan perkataan tersebut, iaitu ba', alif, 'ain, dan ta'.

Setelah gagal menemui makna perkataan الباعة dalam kamus al-Mawrid Arab – English, penterjemah tadi akan mencuba pula mencari makna perkataan tersebut dalam kamus dwi bahasa yang lain atau kamus eka bahasa Arab – Arab. Namun, kali ini ia berhadapan pula dengan masalah lain, iaitu menentukan kata asal bagi perkataan الباعة, iaitu sama ada باع , بيع , بوع , بعى , بعو . Oleh itu, masa yang lama terpaksa diambil bagi menterjemah ayat tersebut.

Selain itu, ketiadaan perkataan jamak taksir juga kadang-kadang boleh mengundang kesilapan dalam terjemahan bagi pengguna kamus al-Mawrid ini. Contohnya boleh dilihat ketika menterjemah ayat seperti ini:

سال الدم من الورد . Dalam hal ini, penterjemah tersebut kemungkinan akan menterjemah ayat tersebut seperti berikut: “Darah itu mengalir daripada bunga mawar”, sedangkan terjemahan yang sepatutnya ialah: “Darah itu mengalir daripada salur-salur darah vena”.

Hal ini kerana perkataan الورد di atas dibaca sebagai الورد yang bermaksud “bunga mawar”, sedangkan bacaan yang sepatutnya ialah الوريد . Kesilapan seperti ini boleh berlaku memandangkan perkataan الوريد yang merupakan jamak taksir kepada perkataan الوريد (yang bermaksud “salur darah vena”) tidak ada dalam kamus al-Mawrid.

1.2.5 Al-Miftah Kamus Moden Arab – Melayu – Inggeris

Kamus al-Miftah ini pada hakikatnya adalah terjemahan kepada kamus al-Mawrid Arab – English di atas. Usaha menterjemah kamus al-Mawrid Arab – English yang setebal 1,255 muka surat ini bukanlah satu tugas yang mudah, justeru memerlukan masa yang lama dan komitmen yang tinggi. Usaha ini patut dipuji, dan sekalung tahniah kepada penyusun dan penerbit kamus ini.

Oleh kerana kamus ini adalah terjemahan kepada kamus al-Mawrid Arab – English, maka kelebihan dan kelemahan yang terdapat pada kamus yang setebal 1,962 muka surat ini adalah sama dengan kelebihan dan kelemahan yang terdapat pada kamus al-Mawrid Arab – English sebelum ini. Sehubungan itu, penyusun dan penerbit kamus ini disarankan agar menyenaraikan jamak taksir bagi semua perkataan yang mempunyai jamak taksir dalam cetakan kedua selepas ini.

Di samping itu, pihak penerbit juga diharap membuat sisipan glosari jamak taksir di bahagian akhir kamus ini, iaitu panduan daripada jamak taksir kepada kata nama mufrad, bagi memudahkan pengguna kamus ini mencari makna bagi setiap kata jamak taksir. Bagi mengurangkan ketebalan kamus pula, pihak penerbit disaran agar membuang sahaja mana-mana gambar bagi perkataan yang mempunyai makna yang mudah difahami.

Di sebalik kesungguhan pihak penerbit untuk memberikan yang terbaik kepada pengguna kamus ini, para penyusun kamus ini juga tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Antara kesilapan yang dikesan dalam kamus ini adalah seperti berikut :-

Jadual 6

Bil.	Perkataan	Kesilapan	Pembetulan
1.	شُرُوف	Tulang rawan	Rawan tulang rusuk
2.	اسْتَطْلَقَ بَطْنُهُ	Membersihkan perut	Perutnya mengalami pencaharan
3.	وَرِيد	Urat saraf, pembuluh darah	Salur darah vena
4.	لَكَّ	Pelekat damar (yang memerangkap sesetengah serangga)	Pelekat damar (yang dirembeskan oleh sesetengah serangga)
5.	المَعَى الصَّائِم	Usus perut	Usus jejunum
6.	بَرَص	Kusta	Sopak
7.	صَعْتَر	Sejenis daun	Pokok thyme
8.	دَرَز (أَحْيَاء وَتَشْرِيح)	Penjahitan luka	Sutur ⁶
9.	سَوِيق	Tepung yang lembut	Sejenis makanan yang diperbuat daripada tepung halus
10.	وَتَر	Urat saraf	Tendon, urat
11.	تَحْمِيلَة	Andaian	Supositori ⁷
12.	طَاعُون	Wabak taun	Plag
13.	مَاضٍ	Bahagian dalam lutut	Belakang lutut atau siku ⁸

Melalui perbincangan di atas, jelas kepada kita bahawa tidak ada satu pun kamus yang boleh dianggap lengkap dan komprehensif yang boleh digunakan oleh penterjemah Arab – Melayu. Oleh itu, seseorang

penterjemah itu tidak boleh hanya bergantung kepada satu-satu kamus sahaja semasa melakukan kerja-kerja penterjemahan kerana setiap kamus mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri.

Sehubungan itu, penterjemah Arab – Melayu disarankan agar memiliki sekurang-kurangnya tiga buah kamus, iaitu Kamus Besar Arab – Melayu Dewan, Kamus al-Miftah Arab – Melayu – Inggeris, dan kamus al-Munjid. Dalam hal ini, pihak kerajaan, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), diharap menyegerakan usaha menerbitkan sebuah kamus yang mampu menghimpunkan kelebihan yang terdapat pada Kamus Besar Arab – Melayu Dewan dan Kamus al-Miftah Arab – Melayu – Inggeris, di samping memperbaiki kelemahan yang terdapat pada kedua-dua kamus tersebut.

Sementara itu, ketika melakukan kerja penterjemahan, seseorang penterjemah itu kadang-kadang perlu merujuk kepada kamus dwi bahasa Melayu – Arab, Melayu – Inggeris, Inggeris – Melayu, dan English – Arab, dan kamus eka bahasa Melayu – Melayu dan English – English. Contohnya, ketika menterjemah perkataan فُتْدَس (yang bermaksud “beaver” dalam bahasa Inggeris), mungkin penterjemah akan merasa ragu-ragu apabila ada kamus Arab – Melayu yang menterjemah perkataan tersebut sebagai “memerang”.

Oleh itu, ia akan merujuk perkataan “memerang” dalam kamus Melayu – Melayu, Melayu – Inggeris, dan Melayu – Arab, di samping merujuk perkataan “beaver” dalam kamus English – Arab, Inggeris – Melayu, dan English – English bagi memastikan terjemahan yang tepat. Namun sayangnya, sehingga sekarang ini masih belum ada lagi kamus Melayu – Arab yang betul-betul berkualiti dan setanding dengan kamus Arab – Melayu yang ada di pasaran.

Selain kamus, seseorang penterjemah juga boleh mendapatkan bahan rujukan mereka melalui cakera padat, malah sudah banyak kamus dan buku rujukan yang berada dalam pasaran kini boleh didapati dalam bentuk cakera padat. Selain itu, penterjemah juga seharusnya mahir memanipulasi kemudahan internet bagi memudahkan kerja-kerja penterjemahan.

Contohnya, jika seseorang penterjemah itu menterjemah perkataan بَخُورَ مَرِيَمَ (yang bermaksud “pokok cyclamen”), lalu ia ingin mengetahui

rupa bentuk tumbuhan tersebut, atau pun memasukkan gambar tumbuhan tersebut bersama teks terjemahannya, ia bolehlah melayari laman sawang yahoo atau google (www.google.com.my) dan menaip nama tumbuhan tersebut pada carian imej, seterusnya memilih mana-mana gambar yang sesuai dan dibenarkan.

Selain itu, penterjemah juga kadang-kadang perlu merujuk kepada majalah-majalah dan akhbar-akhbar yang tertentu ketika menterjemah teks-teks yang tertentu. Contohnya, jika ia menterjemah artikel berkaitan dengan ekonomi, perbankan, kewangan, perdagangan, dan sebagainya, penterjemah tersebut disaran agar merujuk kepada majalah-majalah, dan artikel-artikel dalam akhbar yang berkaitan dengan bidang-bidang berkenaan bagi mengetahui istilah-istilah dalam bahasa Melayu yang biasa digunakan dalam bidang-bidang tersebut.

Sila perhatikan perkataan ضَخَّ dalam ayat ini :- *... والأهم من ذلك أما تملك ميزتين تفاضليتين مهمتين جداً تتمثلان في قدرتها العالية على ضخ الاستثمارات نظراً للسيولة المتوفرة لديها* . Berdasarkan makna yang diberikan dalam kamus Arab – Melayu yang ada di pasaran, perkataan ضَخَّ bermaksud “mengepam” atau “menyalurkan”. Persoalannya, adakah terjemahan tersebut tepat dan bersesuaian dengan konteks ayat di atas yang melibatkan dunia perniagaan.

Dalam hal ini, jika kita sentiasa merujuk kepada artikel-artikel yang berkaitan dengan bidang perniagaan yang terdapat dalam majalah dan akhbar, kita pastinya akan biasa menjumpai istilah “suntikan modal” dan sebagainya. Oleh itu, terjemahan yang tepat bagi ayat di atas adalah seperti berikut: “...Namun, perkara yang lebih penting daripada itu ialah mereka mempunyai dua ciri perbezaan yang sangat penting, iaitu kemampuan yang tinggi untuk menyuntik pelaburan berdasarkan kecairan yang tinggi dimiliki oleh mereka...”.

1.3 Penutup

Setiap penterjemah tidak boleh lari daripada bergantung kepada peralatan menterjemah semasa ia melakukan kerja-kerja terjemahan, walau betapa mahir sekalipun penterjemah tersebut dalam bidang penterjemahan. Bagi penterjemah Arab – Melayu, penggunaan kamus

yang tepat dan pelbagai amat diperlukan, di samping harus sentiasa bersedia menghadapi perubahan dalam teknologi bagi memudahkannya melakukan aktiviti penterjemahan.

NOTA HUJUNG

¹ Ubat cecair yang dimasukkan ke dalam rongga tubuh. Lihat: Paul Wainwright (1998), *Kamus Jururawat*, Ruby Husain dan A. Raman (terj.), Shah Alam: Fajar Bakti, h. 176.

² Demam yang berlaku selama satu hari dan kemudiannya berhenti selama dua hari, sebelum kembali semula pada hari yang keempat. Lihat: Ibrahim Anis (Ed.) (1972), *Al-Mu'jam al-Wasit*, al-Qaherah: Majma' al-Lughat al-'Arabiyyat, h. 324.

³ Kaedah rawatan dengan cara memasukkan ubat melalui mata, sama ada untuk merawat mata atau organ-organ yang lain. Lihat: Mohd. Hilmi bin Abdullah (2008), *Petua-Petua Ibnu Sina Untuk Kaum Wanita*, Kota Bharu: Pustaka Hilmi, h. 125.

⁴ Penyakit "taun" dalam bahasa Melayu merujuk kepada penyakit kolera, atau *التهیضة* dalam bahasa Arab. Lihat: John D. Gimlette (1971), *A Dictionary of Malayan Medicine*, New York: Oxford University Press, h. 235.

⁵ Penyakit epidemik akut pada tikus dan rodentia liar yang lain yang disebabkan oleh bakteria *Pasteurella pestis* yang ditularkan kepada manusia oleh kutu tikus. Lihat: Ibrahim Anis (Ed.) (1972), *op. cit.*, h. 558.

⁶ Sendi yang tidak dapat bergerak, khususnya pada tengkorak. Lihat: Paul Wainwright, (1998) *op. cit.*, h. 537.

⁷ *Ibid.*, h. 535. Supositori ialah ubat dalam bentuk pepejal yang dimasukkan ke dalam rongga tubuh, khususnya rektum dan vagina.

⁸ Yakni bahagian berlakunya lipatan pada lutut atau siku. Lihat: Ibrahim Anis (Ed.) (1972), *op. cit.*, h. 3.

